

Kuala Lumpur

Selain mengikuti pengajian di peringkat universiti awam dalam bidang Sains Sukan dan Pengurusan Sukan, tiada laluan 'ekstra' dalam sistem pendidikan sukan negara yang akhirnya menyaksikan kebanyakannya 'alumni' Sekolah Sukan Malaysia (SSM) atau Sekolah Sukan Negeri (SSN) terbiar tanpa pembelaan.

Berdasarkan statistik, lanjut Universiti tempatan membabitkan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) hanya mampu mengambil hampir 1,000 pelajar setiap tahun.

Ternyata nisbah itu terlalu jauh jika hendak dibandingkan dengan 20 sekolah SSM dan SSN yang dianggarkan akan melahirkan ribuan pelajar saban tahun daripada sistem itu.

Justeru, tidak hairan mengapa wujudnya dakwaan ramai yang pelajar kita hilang arah selepas keluar dari sekolah sukan dengan peratusan mereka yang gagal jauh lebih tinggi berbanding yang berjaya.

Kegagalan mereka untuk pergi jauh dan bergelar pemain kebangsaan serta ketidakmampuan menyambung pelajaran dalam akademik pula meletakkan mereka di persimpangan kerana tidak tahu hala tuju mana yang harus diambil.

Mungkin sudah tiba ma-

# Sia-sia berlatih bagi nak 'gila'

■ Platform kemahiran antara inisiatif terbaik tangani isu kegagalan 'alumni' sekolah sukan

sanya, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menyediakan program baharu berkaitan kursus kemahiran atau vokasional bagi meningkatkan nilai tambah seseorang pelajar itu selain membuka peluang pekerjaan yang lebih selesa buat mereka jika gagal menyerlah dalam bidang sukan.

Malaysia ketika ini, dilihat masih kekurangan dari segi nilai tambah itu, namun di negara maju seperti di Eropah dan Amerika Syarikat, mereka sudah lama memperkasakan sistem pendidikan sukan di negara masing-masing.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi UiTM Shah Alam, Mohd Sadek Mustafa menegaskan sebahagian besar daripada pelajar SSM dan SSN itu tidak akan berjaya dengan hanya 10 peratus saja dapat pergi jauh termasuk melangkah ke menara gading sekali gus terbabit dengan bidang sukan.

"Sebenarnya 90 peratus boleh dikatakan gagal melonjakkan potensi mereka atau menyambung pengajian di peringkat IPT (Institut Pengajian Tinggi) dalam Sains Sukan, kejurulatihan maupun pengurusan.

"Cuba bayangkan, bagaimana nasib pelajar ini. Sudahlah gagal dalam sukan diceburi dan untuk ke menara gading juga sukar kerana setiap institusi penga-

jian tinggi turut menuntut keputusan peperiksaan baik untuk menerima kemasukan mereka.

"Memang agak malang apabila pelajar ini yang menghabiskan tiga hingga lima tahun berlatih bagi nak 'gila' di sekolah sukan, tapi akhirnya gagal pergi jauh dan tidak dapat masuk universiti, jadi apa hala tuju mereka.

"Oleh sebab itu, saya rasa kan sudah tiba masanya kerajaan memandang serius isu ini dengan membantu menyediakan platform kemahiran sebagai bekalan masa depan kepada mereka.

"Sekurang-kurangnya dengan adanya kemahiran, pelajar ini nanti dapat bekerja atau membuka perniagaan sendiri bagi menyara kehidupan mereka," katanya kepada Sukan NSTP.

Kelmarin, akhbar ini mendedahkan wujudnya kepincangan dan kelompongan besar khususnya dalam sistem pendidikan persekolahan sukan negara apabila sebahagian besar pelajar SSM dan SSN tercicir daripada arus pembangunan negara.

Ujar Sadek, KPM seharusnya merombak Sistem Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) terutama sekolah berasal-

ran sukan dengan menetapkan hanya satu subjek diajar setiap hari berbanding tiga hingga empat subjek sehari.

"Saya kesian tengok pelajar ini. Mereka sudahlah berlatih pada awal pagi bermula jam 6.30-7.30 sebelum kena masuk kelas pada 9.30 pagi.

"Bayangkan dalam kelas mereka perlu pula belajar tiga hingga empat subjek yang bagi saya cukup membebankan sebelum turun berlatih pula pada waktu petang.

"Kalau boleh, KPM tukar model jadual pembelajaran dengan perkenalkan satu subjek sehari. Maknanya, Isnin belajar subjek Bahasa Melayu, Selasa Matematik, Rabu Sejarah dan seterusnya.

"Saya kira itu langkah terbaik bagi memastikan pelajar dapat mengikuti pengajian dengan penuh fokus," katanya.

